

BULETIN

# SEKITARAN MDBG

Majlis Daerah Batu Gajah

**DIKTIRAF  
TEMPAT PERTAMA  
KATEGORI DAERAH  
PBT**

# SHAHIRI TAN

*Mengakhiri tugas, bersara wajib  
bermula Februari*



# MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT KHAS TAHUN BAHARU 2023



13 Januari 2023, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat Khas Tahun Baharu 2023.

Tujuan majlis diadakan adalah untuk mengajak seluruh warga MDBG bermunajat dan memohon kerahmatan serta perlindungan Allah SWT agar dipelihara, dilindungi dan dipermudah segala urusan pada tahun baharu 2023. Turut serta dalam majlis ini ialah Tuan Setiausaha, Encik Shahiri bin Tan dimana beliau telah menyampaikan tazkirah ringkas berkaitan kepentingan sabar dan syukur dalam agama dan kehidupan.

Beliau mengingatkan warga MDBG untuk sentiasa berusaha memperbaiki diri dan mutu kerja serta sabar dalam menghadapi segala ujian kehidupan serta mensyukuri segala nikmat yang telah diberikan oleh Allah SWT. Nikmat Iman dan Islam yang kita kecapai pada hari ini perlulah dijaga kerana ia adalah daripada usaha keras para sahabat dan golongan selepas daripada mereka bagi menegakkan agama Allah SWT di muka bumi ini.

**Allah SWT telah menjanjikan ganjaran yang istimewa kepada orang-orang yang sabar berdasarkan Firman-Nya yang bermaksud:**

**"Sesungguhnya orang-orang yang bersabar sahaja yang akan disempurnakan pahala untuk mereka dengan tidak terkira".  
[al-Zumar:10]**





# **MDBG DIIKTIRAF TEMPAT PERTAMA KATEGORI DAERAH**



*Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) diiktiraf Tempat Pertama Kategori Daerah bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022.*

*Anugerah diterima sempena Majlis Konvensyen PBT 2023 anjuran Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC), Perak pada 11 dan 12 Mac lalu.*

*Daripada 88 Majlis Daerah di Malaysia, MDBG mengekalkan penarafan 5 bintang tersebut dengan markah 97.33 peratus. Yang Dipertua, Mohamad Razif bin Ramli telah mewakili MDBG menerima anugerah tersebut yang disampaikan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.*

*Bertemakan 'Perbandaran Madani, Negara Sejahtera', konvensyen tersebut dihadiri hampir 2,000 peserta terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua (YDP) PBT, Setiausaha serta pegawai PBT seluruh Malaysia.*

*Konvensyen tersebut merupakan platform terbaik bagi memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman, berbincang untuk mencari pendekatan dan penyelesaian yang inovatif serta kreatif secara holistik dalam menangani isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.*



#untuk kome aje

Majlis Pengiktirafan Warga Kerja

# MAJLIS PENGIKTIRAFAN WARGA KERJA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH SEMENA PENARAFAN 5 BINTANG SPB-PBT TAHUN 2022

22 Mac 2023 - Sebuah majlis pengiktirafan sempena menghargai warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah atas pencapaian Penarafan 5 Bintang SPB-PBT tahun 2022 telah diadakan. Tanpa usaha bersama, tidak tercapailah pengiktirafan ini. Tidak lupa juga kepada seluruh komuniti penduduk di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah atas sokongan, kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan setiap tindakan dan program yang dilaksana.



SEKITARAN MDBG | MS 3



# KE ARAH PENDIGITALAN DOKUMEN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT

## SESI PERBINCANGAN BERSAMA PENGARAH ARKIB NEGARA MALAYSIA NEGERI PERAK



06 Januari 2023 – Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) dengan berbesar hati dan sukacitanya menerima kunjungan dari Pengarah Arkib Negara Malaysia Negeri Perak, Puan Shahida binti Mohamad Salleh pada hari ini, jam 10.00 pagi.

Tujuan sesi perbincangan ini adalah untuk membincangkan berkaitan pengurusan rekod di MDBG sebagai persediaan awal sebelum Bengkel Klasifikasi Fail yang dijadualkan pada 16-17 Januari 2023.

Semasa sesi ini, pihak ANM Negeri Perak telah memberi penerangan berkaitan kaedah pelaksanaan klasifikasi fail yang betul disamping melihat sendiri sistem eFile dan eSurat yang telah dibangunkan serta diguna pakai di MDBG.

Selain itu, pihak ANM Negeri Perak turut memberi pendedahan awal mengenai Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0). Projek DDMS 2.0 bertujuan untuk membangunkan sistem pengurusan rekod yang menguruskan rekod rasmi dan rahsia rasmi kerajaan bagi keseluruhan kitaran hayatnya iaitu daripada proses pewujudan, penawanan, penyimpanan, penyelenggaraan, pengedaran dan pelupusan rekod secara digital dan sistematik.

Turut hadir ialah Encik Saifurnizam bin Ya'akob, Penolong Pengarah ANM Negeri Perak dan Puan Nur Ain binti Abd Wahid, Pembantu Arkib ANM Negeri Perak.



## LAWATAN PENANDA ARAS BERKAITAN PENGURUSAN REKOD KERAJAAN KONVENSIONAL (DDMS) MAJLIS DAERAH BATU GAJAH KE MAJLIS DAERAH PENDANG

23 Februari 2023 – Encik Makhlis bin Othman, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengetuai lawatan penendarasan ke Majlis Daerah Pendang, Kedah Darul Aman bagi mempelajari pelaksanaan Digital Document Management System (DDMS) yang telah dibangunkan oleh pihak MAMPU dan sedang digunakan sepenuhnya oleh Majlis Daerah Pendang.

Lawatan ini dihadiri seramai 36 orang anggota dari pelbagai jabatan di MDBG. Semoga lawatan ini dapat memberikan kefahaman kepada semua yang terlibat serta memberi nilai tambah dalam sistem pengurusan fail dan dokumen di MDBG.



# EN SEKTOR AWAM - SYSTEM 2.0 (DDMS 2.0)

**DDMS 2.0**  
DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM

## BENGGEL KLASIFIKASI FAIL DENGAN KERJASAMA ARKIB NEGARA MALAYSIA



Bengkel Klasifikasi Fail dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia telah diadakan pada 16-17 Januari 2023 di D Hotel Seri Iskandar. Tenaga pengajar dan fasilitator bengkel ini terdiri daripada Puan Norazilah binti Daud, Pegawai Arkib HQ Arkib Negara Malaysia, dan Encik Saifurnizam bin Ya'Akob, Penolong Pengarah ANM Negeri Perak, Arkib Negara Malaysia.

Tujuan utama bengkel ini diadakan bagi menambah dan memperluaskan pengetahuan pegawai mengenai pengurusan fail dan memperkemaskan sistem klasifikasi fail yang sedia ada di Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Seramai 35 orang kakitangan MDBG daripada pelbagai jabatan/unit telah terlibat di dalam bengkel ini. Antara objektif utama pelaksanaan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail adalah:

Arkib Negara Malaysia telah mengenal pasti klasifikasi fail berdasarkan fungsi sebagai kaedah yang paling sesuai untuk diamalkan oleh pejabat awam di Malaysia. Kaedah ini dapat menyediakan keseragaman di seluruh sektor awam dalam cara rekod diwujudkan, disimpan dan digunakan di samping memudahkan pencapaian maklumat dan perkongsian maklumat. Penyediaan klasifikasi fail fungsian ini juga merupakan salah satu pra-syarat dalam pelaksanaan penggunaan aplikasi pengurusan rekod elektronik.



# Majlis APRESIASI KECEMERLANGAN TAHUN 2022

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH



Disempurnakan oleh:

YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak Darul Ridzuan



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Disempurnakan oleh:

YB Encik Mohd Azlan Helmi bin Helmi

Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak Darul Ridzuan



## MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN

18 Januari 2023 - Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi, Multimedia dan NGO Negeri Perak Darul Ridzuan, YB Encik Azlan Helmi bin Helmi telah menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang telah dijenamakan semula dengan nama "Majlis Apresiasi Kecemerlangan", bertempat di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah.





Seramai 16 kakitangan daripada 199 kakitangan Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah layak dipilih dan diberi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2022. Majlis turut sama meraikan anggota yang telah bersara dan telah menabur bakti dan jasa sepanjang berkhidmat di MDBG. Bagi mengiktiraf sumbangan lain yang telah dicapai oleh anggota dan jabatan pada tahun lalu, Anugerah Yang Dipertua telah diberikan kepada Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran, serta Unit Korporat dan Perhubungan Awam di atas kejayaan dalam Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (E-Waste) Sempena Hari Alam Sekitar Negara 2022 Peringkat Negeri Perak.

Dalam majlis yang sama, turut diraikan ialah Tuan Setiausaha MDBG yang akan bersara wajib pada 5 Februari tahun ini. Tuan Yang Dipertua MDBG merakamkan berbilang terima kasih atas segala jasa bakti yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan di MDBG serta selamat maju jaya kepada beliau. Majlis turut diserikan dengan penyampaian cenderahati mewakili pengurusan tertinggi dan seluruh warga MDBG.

Di kesempatan ini MDBG mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah pada malam ini dan teruskanlah melangkah gagah memburu lebih banyak kecemerlangan untuk masa-masa mendatang.



# SHAHIRI TAN

SETIAUSAHA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH MENGAKHIRI TUGAS, BERSARA WAJIB BERMULA FEBRUARI

19 Januari 2023, Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, Tuan Shahiri bin Tan secara rasmi telah meninggalkan pejabat beliau di Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) buat kali terakhir setelah berkhidmat dengan MDBG selama hampir 11 tahun.

Beliau yang akan bersara wajib bermula pada Februari depan, mengimbas cap jari perakam waktu tepat jam 5.00 petang sebagai tanda bagi mengakhiri tugas beliau sebagai Setiausaha di MDBG dengan diiringi oleh Tuan Yang Dipertua MDBG serta disaksikan oleh warga MDBG.

**Berdayung sampan ke Tanah Semenanjung,  
Hendak membeli tikarlah rotan;  
Budi dikenang bakti disanjung,  
Kekal subur dalam ingatan.**

**Terima kasih, dan  
selamat bersara diucapkan!**





13 Mei 2023 - Telah berlangsung Program Eco Green Market Majlis Daerah Batu Gajah 2023 yang dirasmikan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan diiringin tuan Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah.

Turut berlangsung penyerahan Sijil Eco Warrior kepada agensi kerajaan, institusi pendidikan, syarikat swasta, kilang serta komuniti setempat. Eco Warrior merupakan branding kepada rakan alam sekitar Majlis Daerah Batu Gajah yang menjadi agen penggerak dalam perjalanan program di peringkat organisasi masing - masing.

# PROGRAM ECO GREEN MARKET MAJLIS DAERAH BATU GAJAH 2023





### **LAWATAN INSPEKTORAT PEMATUHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN DI MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

6 April 2023 - Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan di Majlis Daerah Batu Gajah telah dilaksanakan yang melibatkan panel penilai dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Perak. Lawatan ini melibatkan seramai empat (4) orang ahli panel dengan diketuai oleh Tuan Haji Mohamad Foudzli bin Abdullah, Pengarah Keselamatan Negeri Perak.



### **LAWATAN KERJA PEGAWAI PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI SELURUH MALAYSIA KE TANJUNG TUALANG TIN DREDGE NO.5 (TT5)**

25 Mei 2023 - Terima kasih diucapkan kepada pegawai Pejabat Pembangunan Negeri atas lawatan teknikal ke Tanjung Tualang Tin Dredge No.5 (TT5). Lawatan ini turut disertai oleh Tuan Meor Hezullah bin Meor Abd Malik, Pegawai Daerah Kinta dan Encik Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah. Semoga hubungan baik antara agensi dapat diteruskan pada masa akan datang dan membawa lebih ramai pelancong ke kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.



### **LAWATAN PENANDAARAS TANDAS BERSIH KE MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG**

26 Mei 2023 - Susulan pengiktirafan yang telah diterima oleh Majlis Perbandaran Manjung, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) mengambil inisiatif untuk melaksana lawatan penandaaras bagi mengimplementasi kaedah yang sama di kawasan ini.

Semoga input yang diperoleh dapat menambahbaik kualiti, keceriaan dan kebersihan tandas di kawasan pentadbiran MDBG.

Kerjasama amat diharap dari seluruh komuniti penduduk dalam kawasan pentadbiran agar dapat bersama-sama menjaga kebersihan dan lebih bertanggungjawab dalam menggunakan kemudahan awam.

Lawatan telah disertai pegawai dari Jabatan Kesihatan Awam dan Perkhidmatan Perbandaran (JKAPP), Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan dan Unit Korporat dan Perhubungan Awam.



### **KUNJUNGAN HORMAT YANG BERTAMBAH HORMAT TAN KAR HING, AHLI PARLIMEN GOPENG KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

10 Februari 2023 - Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng pada pagi ini.

Antara input perbincangan termasuk perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh terdekat beserta aduan yang dibangkitkan. Semoga kunjungan ini dapat mencetus idea yang baik dalam usaha bersama menyelesaikan aduan di peringkat komuniti.



### **KUNJUNGAN HORMAT DARI PERSATUAN PAKAR PERUBATAN KELUARGA NEGERI PERAK**

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Amilia Hazreana dan wakil dari Persatuan Pakar Perubatan Keluarga Negeri Perak atas kunjungan hormat ke Majlis Daerah Batu Gajah. Outcome perbincangan merangkumi kolaborasi bagi penganjuran Karnival Kesihatan Raya bersama pakar perubatan keluarga negeri Perak. Program ini dijadualkan berlangsung pada bulan Mei 2023. Sama-sama kita nantikan.



### **KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH KOLEJ KOMUNITI BATU GAJAH KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

28 Februari 2023 - Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima sebuah kunjungan hormat dari Pengarah Kolej Komuniti Batu Gajah. Output perbincangan termasuk inisiatif bagi memastikan kualiti pendidikan dapat diberi dengan sempurna kepada kumpulan sasaran dalam kelompok komuniti di bawah kawasan pentadbiran MDBG.



### **KUNJUNGAN HORMAT OLEH PENGARAH PERKESO NEGERI PERAK KE PEJABAT YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

14 Mac 2023 - Terima kasih diucapkan kepada deligasi PERKESO Negeri Perak atas kunjungan ke Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Objektif utama lawatan adalah untuk memberi penerangan serta inisiatif yang boleh dilaksanakan secara kolaborasi antara MDBG dan PERKESO bagi memastikan perlindungan yang sempurna kepada kumpulan sasaran (peniaga, pekerja sendiri, PRIHATIN - isi rumah yang mencarum, dan warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah).



### **PROGRAM PEMANTAPAN NILAI MURNI PENJAWAT AWAM DAERAH KINTA BATU GAJAH**

27 Januari 2023 – Selesai sudah kuliah yang telah disampaikan oleh YBhg.Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri. Semoga ilmu yang disampaikan dapat memberi manfaat untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada komuniti setempat.



### **TAKLIMAT PROGRAM “RECYCLING ECO SYSTEM” BERASASKAN KEPADA APLIKASI DIGITAL “TRASH4CASH” BERSAMA MAJU PERAK UTILITIES MANAGEMENT SDN. BHD.**

10 Februari 2023 - Majlis Daerah Batu Gajah berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada Yang Berhormat Tan Kar Hing, Ahli Parlimen Gopeng pada pagi ini.

Antara input perbincangan termasuk perancangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tempoh terdekat beserta aduan yang dibangkitkan. Semoga kunjungan ini dapat mencetus idea yang baik dalam usaha bersama menyelesaikan aduan di peringkat komuniti.



### **MAJLIS ANGKAT SUMPAH DAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BAGI SESI 2023-2024**

27 Februari 2023 - Pada hari ini, telah berlangsung Majlis Angkat Sumpah dan Penerimaan Ahli Majlis bagi sesi 2023-2024 bagi 18 orang Ahli Majlis, Majlis Daerah Batu Gajah.

Turut bersama dalam majlis ini adalah Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Pegawai Agensi Kerajaan Batu Gajah.



### **PERHIMPUNAN PENJAWAT AWAM BIL.1/2023 MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

14 Mac 2023 - Terima kasih diucapkan kepada deligasi PERKESO Negeri Perak atas kunjungan ke Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Objektif utama lawatan adalah untuk memberi penerangan serta inisiatif yang boleh dilaksana secara kolaborasi antara MDBG dan PERKESO bagi memastikan perlindungan yang sempurna kepada kumpulan sasaran (peniaga, pekerja sendiri, PRIHATIN – isi rumah yang mencarum, dan warga kerja Majlis Daerah Batu Gajah).





### **SESI LAWATAN PENILAIAN MARKAH / PENJURIAN PERTANDINGAN LAMAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SEMPERNA SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023**

10 Mac 2023 - Telah berlangsung pada hari ini sesi penilaian markah / penjurian bagi Pertandingan Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sempena Sambutan Hari Landskap Negara 2023. Sambutan Hari Landskap Negara 2023 telah bermula pada hari ini dari 10 Mac hingga 12 Mac 2023 bertempat di Laman Sejahtera, Taman D.R Seenivasagam, Ipoh.



### **HARI KEDUA DI SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2023**

11 Mac 2023 - Hari kedua di Sambutan Hari Landskap Negara 2023. Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming telah hadir dan melawat di Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sudah semestinya setiap PBT memberikan yang terbaik dalam menghasilkan Laman Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan pelbagai idea dengan berkonsepkan Malaysia MADANI. Tahniah kepada PBT yang berjaya dalam pertandingan tersebut



### **KOLOKSIUM KERAJAAN TEMPATAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN (KKT PERAK) 2023**

21 Mac 2023 - Sedang berlangsung Kolokium Kerajaan Tempatan Negeri Perak Darul Ridzuan (KKT Perak) 2023 di Dewan Bankuet, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Program ini mengumpulkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Perak melibatkan semua Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis PBT dalam perkongsian ilmu bersama PBT negeri Perak yang lain.



### **PROGRAM WALKABOUT YB ADUN TRONOH, YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, AHLI MAJLIS, SETIAUSAHA DAN AGENSI PENGUATKUASAAN DI BAZAR RAMADAN TAMAN BATU GAJAH PERDANA**

30 Mac 2023 - Lawatan melibatkan YB Adun Tronoh, pengurusan tertinggi Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG), Ahli Majlis serta agensi penguatkuasaan MDBG, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Gajah dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

# Jalan Jalan Warisan Perak

(Heritage Walk) "Papan Pekan Bersejarah"

28 Mei 2023 - Program berasaskan pelancongan warisan, sempena persediaan Tahun Melawat Perak 2024. Berlangsungnya pada hari ini Jalan Jalan Warisan Perak (Heritage Walk) "Papan Pekan Bersejarah". Anjuran bersama Persatuan Warisan Perak, Geopark Lembah Kinta, Majlis Daerah Batu Gajah dan Kawasan Rukun Tetangga Papan.

Jemputan berpeluang meneroka sejarah dan tinggalan sejarah di kawasan ini secara teori dan lawat ke tapak Pekan Papan. Tahniah kepada Kawasan Rukun Tetangga Papan dan jawatankuasa yang telah berjaya melangsungkan program ini



# SIDANG REDAKSI

## Penasihat

**Mohamad Razif bin Ramli, AMP.**  
Yang Dipertua

## Ketua Editor

**Shahiri bin Tan**  
Setiausaha

## Penolong Ketua Editor

**Makhlis bin Othman**

## Sidang Editor / Media Sosial

**Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet**  
**Nadhirah binti Hanifah**  
**Nor Hazahayani binti MatZain**

## Reka Bentuk / Grafik

**Fatin Hazwani Binti Tarmidzi**

## Fotografi

**Muhamad Fitri bin Abdul Rahman**  
**Nazrul Aswad bin Nazri**  
**Syed Jamil Hasnan bin Shaikh Hassan**

Diterbitkan oleh:

**Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,**  
**31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.**

**Telefon : 05-363 2020**

**Faks : 05-366 5930**

**E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my**

**Facebook : [www.facebook.com/mdbatugajah](http://www.facebook.com/mdbatugajah)**





# KONVENSYEN PIHAK BERKUASA TEMPATAN 2023

PERBANDARAN MADANI  
NEGARA SEJAHTERA

Anjuran oleh :

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
KERAJAAN TEMPATAN

12 MAC 2023



12 Mac 2023 - Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas pengiktirafan yang telah diberikan. Sudah pasti ianya menjadi motivasi bagi warga Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada komuniti setempat.

